

# Generasi al-Quran

## Program Permata Insan mahu lahirkan genius Islam



**S**EJARAH keagungan Islam yang dicipta tokoh ilmuwan Islam dulu wajar diteruskan bagi melahirkan kembali genius Islam yang mampu menyumbang keilmuan dan kepintaran kepada kesejahteraan dunia. Peranan institusi pengajian tinggi dituntut dan cabaran kini dipikul Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) bagi merealisasikan Program Permata Insan yang dicitak isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor. Ikuti kupasan Penyelaras Jawatankuasa Pelaksana Program Permata Insan, Prof Datin Seri Dr Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim mengenainya seperti disampaikan kepada Wartawan Varsiti, Khairina Yasin.

**S** Kegemilangan Islam suatu ketika dulu terserlah apabila lahirnya ramai ilmuwan terulung. Namun kini, ia bagaikan terhakis apabila dunia kini lebih menekankan kehebatan saintis asing di kebanyakan universiti di Barat. Bagaimana senario ini mampu diubah dan peranan universiti meningkatkannya?

**J** Kita tidak nafikan saintis Barat kini begitu dikagumi masyarakat dunia hari ini kerana kecemerlangan mereka menghasilkan pelbagai penemuan dan inovasi. Malah ia sedikit sebanyak menenggelamkan kecemerlangan ilmuwan Islam suatu ketika dulu yang begitu gah memonopoli pelbagai bidang berteraskan Islam, sains, teknologi dan

perubatan. Tidak mustahil ada kalangan generasi muda hari ini tidak mengenali siapa Ibnu Sina, al-Farabi dan al-Khawarizmi. Senario itu sukar diubah, namun tidak bermakna kita hanya berdiam diri.

Kewujudan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berteraskan Pengajian Islam menjadi pemangkin usaha ke arah melahirkan kelompok cerdik pandai Islam sejajar dengan kedudukan sebagai pusat perkembangan ilmu. Peranan IPTA terbabit bukan sekadar melahirkan graduan yang memenuhi keperluan seimbang antara ilmu dunia dan agama, malah menyumbang kepada pembangunan intelektual menerusi perkongsian pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki. Usim contohnya dipilih

kerajaan bagi merealisasikan pelaksanaan Program Permata Insan bermatlamat melatih kanak-kanak Islam memahami, mendalami dan mengaplikasikan ilmu berteraskan al-Quran.

**S** Apakah pengisian sebenar Program Permata Insan dan sejauh mana keupayaan universiti menzahirkan matlamat dan sasaran pelaksanaan program itu?

**J** Pelaksanaan program Permata Insan adalah kesinambungan Program Permata Negara dan ia sebagai permulaan untuk melahirkan kanak-kanak pintar generasi al-Quran yang bakal menjadi tokoh ilmuwan Islam.

Selaras dengan moto Menjana Cendekiawan Islam, program ini akan mengenal pasti pelajar pintar agama seawal mungkin agar potensi dan kebolehan mereka dapat dibangunkan secara menyeluruh ke tahap yang optimum. Kita mempunyai universiti dan pelbagai kemudahan yang dapat membantu proses melahirkan ilmuwan Islam.

Bukan sesuatu yang mustahil untuk direalisasikan kerana jika diimbau sejarah Islam dulu, wujud cerdik pandai Islam berkualiti dalam bidangnya, walaupun zaman itu tidak dilengkapi dengan kemudahan asas seperti elektrik dan sebagainya. Universiti hari ini mempunyai kepakaran, kemudahan dan pengetahuan yang mampu digabungkan secara bersama bagi mengumpul anak-anak genius Islam untuk diberi pendedahan dan latihan sekali gus menjadi pelopor Islam suatu ketika nanti.

**S** Usaha diambil Usim sebagai universiti yang dipertanggungjawab merealisasikan pelaksanaan Program Permata Insan?

**J** Sebagai universiti pelopor pendidikan Islam dan ilmu dunia, Usim menerima tanggungjawab itu secara terbuka dan kita sudah mula bergerak secara agresif dengan mewujudkan kerjasama pintar dengan Universiti King Abdul Aziz Arab Saudi. Usaha menjurus kepada pembentukan modul dan kurikulum Permata Insan kerana universiti itu dikenali pasti turut mempunyai

sistem dan program khas pelajar pintar yang mana pengisiannya lebih kurang sama dengan Permata Insan. Pelaksanaan program rintis ini dijangka mengambil masa tiga tahun dan usaha penambahbaikan akan dilakukan setiap masa bagi memastikan output yang lebih berkesan dan realistik.

Sebagai permulaan, kita menyasarkan 50 kanak-kanak pintar agama berumur lapan hingga sembilan tahun dipilih dan mereka yang berminat boleh melayari laman web laman web [www.permatapintar.edu.my](http://www.permatapintar.edu.my). Permohonan dibuka sehingga bulan depan dan mereka perlu melalui beberapa siri ujian bagi menilai tahap kepintaran, kecenderungan dan pengetahuan agama masing-masing sebelum dipilih menyertai program ini.

**S** Apakah bentuk modul Program Permata Insan dan sejauh mana ia signifikan dengan perkembangan pembelajaran kanak-kanak terbabit?

**J** Program itu mempunyai empat komponen penting iaitu al-Quran dan sunnah, bahasa Arab, bahasa Inggeris dan pembangunan insan. Pendedahan setiap komponen akan mengguna pakai dua pendekatan berbeza iaitu secara atas talian dan perkhemahan bersepadu.

Pelajar terpilih akan didedahkan kepada kaedah pembelajaran berbentuk pengayaan secara bertepatan mengikut komponen terbabit di bawah pemantauan tutor peribadi yang akan kita lantik nanti. Penumpuan kepada pembelajaran pengayaan penting bagi memastikan ketajaman minda dijana setiap masa.

Kita tidak mahu kepintaran dimiliki kanak-kanak ini terhakis akibat pengaruh sekeliling mereka, justeru perlunya usaha pemantauan berterusan. Kita bukan saja mahu kanak-kanak ini mampu menguasai al-Quran dan sunnah, malah tampil sebagai individu kecil yang dilengkapi ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, mempunyai penguasaan bahasa yang pelbagai, komunikasi yang baik serta pemikiran yang kreatif dan kritis. Mereka juga mampu berhujah tentang apa saja bidang termasuk agama, sains, teknologi, kesihatan dan perubatan, selain

berupaya merujuk serta mengaitkannya dengan nas al-Quran dan sunnah.

**S** Se jauh mana output pelaksanaan Program Permata Insan mampu melahirkan kelompok ilmuwan Islam pada masa depan?

**J** Pendedahan diperoleh kanak-kanak menerusi program ini diyakini dapat membentuk mereka ke arah usaha pembangunan dan kecemerlangan dunia Islam. Implikasinya begitu luas, malah kanak-kanak program ini mempunyai peluang luas untuk meningkatkan kepintaran dan pengetahuan masing-masing dengan melanjutkan pengajian di sekolah pintar UKM.

Malah, universiti di Arab Saudi juga secara dasarnya bersetuju dan bersedia menerima kanak-kanak itu mendapatkan pendedahan dan pengayaan lebih lanjut untuk lahir sebagai ilmuwan Islam yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang.

*Usim menerima tanggungjawab itu secara terbuka dan kita sudah mula bergerak secara agresif dengan mewujudkan kerjasama pintar dengan Universiti King Abdul Aziz Arab Saudi"*

*Kita tidak mahu kepintaran dimiliki kanak-kanak ini terhakis akibat pengaruh sekeliling mereka, justeru perlunya usaha pemantauan berterusan"*